

0529

U 8730 AAB  
RAZALEIGH R'R'R'

KUALA LUMPUR, 8 DIS (BERNAMA) -- PERJUMPAAN ANTARA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46 TENGKU RAZALEIGH HAMZAH AKAN DIADAKAN SELASA INI.

TENGKU RAZALEIGH TIDAK AKAN DIIRINGI OLEH SESIAPA DALAM PERTEMUAN ITU KERANA MENURUTNYA, HANYA BELIAU SEORANG YANG DIJEMPUT.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS CERAMAH BERSAMA DAP DAN SEMANGAT 46 DI SINI MALAM INI.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU LEBIH 1,000 ORANG YANG MENGHADIRI CERAMAH ITU BAHAWA BELIAU TIDAK AKAN MENYERTAI UMNO SEKIRANYA MENDAPAT JEMPUTAN SEDEMIKIAN SEMASA PERJUMPAAN ITU DIADAKAN.

KATANYA LAGI, WALAU APAPUN HASIL DARIPADA PERJUMPAAN ITU, BELIAU TIDAK AKAN MENINGGALKAN RAKAN-RAKANNYA DI LUAR KERAJAAN.

TENGKU RAZALEIGH BERKATA, BELIAU BERSEDIA MENGHADIRI PERJUMPAAN ITU ATAS KEPENTINGAN PERPADUAN ORANG MELAYU. BELIAU, BAGAIMANAPUN, TIDAK MENYATAKAN DI MANA TEMPAT PERJUMPAAN ITU AKAN DIADAKAN.

KATANYA, SEMANGAT 46 BUKAN SAHAJA MEMENTINGKAN PERPADUAN BANGSA MELAYU TETAPI JUGA SELURUH RAKYAT MALAYSIA. -- LAGI  
2350MST 08 12 89

0538

UB731A A B  
RAZALEIGH 2 KUALA LUMPUR R R R

TENGKU RAZALEIGH BERKATA, BELIAU HENDAK BERJUMPA DENGAN PERDANA MENTERI KERANA MENGANGGAP PERPADUAN ITU AMAT PENTING BAGI PEMBANGUNAN NEGARA.

KATANYA, BELIAU AKAN MENGHADIRI PERTEMUAN ITU DENGAN FIKIRAN TERBUKA DAN MENDENGAR APA YANG HENDAK DIKATAKAN OLEH PERDANA MENTERI. BELIAU JUGA TIDAK AKAN MENGENAKAN SEBARANG SYARAT BAGI PERTEMUAN ITU.

BELIAU BERHARAP SESUATU YANG POSITIF DAPAT DIHASILKAN DARIPADA PERTEMUAN ITU ATAU PERJUMPAAN-PERJUMPAAN SUSULAN.

+SAYA AKAN BERJUMPA DENGAN SESIAPAPUN DAN BERPAKAT DENGAN SESIAPAPUN UNTUK PERPADUAN, + KATANYA DENGAN DISAMBUT TEPUKAN GEMURUH.

KATANYA, USAHA-USAHA KEARAH PERPADUAN AMAT PENTING BAGI MEWUJUDKAN KATA SEPAKAT DI KALANGAN RAKYAT, SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA SEJAK BEBERAPA TAHUN KEBELAKANGAN INI TAHAP PERPADUAN ADALAH AMAT TENAT.

KETIKA MENJAWAB SOALAN SEMASA SESI DAIALOG PADA MAJLIS ITU BELIAU BERKATA, PERKARA-PERKARA YANG AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR NANTI ADALAH PRINSIP DAN PENDIRIAN SEMANGAT 46 DAN BUKANNYA PERKARA BERKEPENTINGAN PERIBADI.

BELIAU MENGANGGAP SOAL MENDAPAT TAWARAN JAWATAN-JAWATAN KERAJAAN DAN UMNO ADALAH SPEKULASI SEMATA-MATA. -- LAGI  
0008MST 09 12 89

D539

U 8732 AAB  
RAZALEIGH 3 KUALA LUMPUR R R R

DALAM CERAMAH ITU, TENGKU RAZALEIGH BERUCAP DENGAN PANJANG LEBAR MENGENAI PAKATAN ANTARA SEMANGAT 46 DAN DAP DAN PERLUNYA KERJASAMA RAPI ANTARA KEDUA-DUA PARTI ITU KHUSUSNYA BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA YANG AKAN DATANG.

YANG TURUT BERUCAP PADA MAJLIS ITU IALAH Pengerusi DAP, DR CHEN MAN HIN, NAIB Pengerusi DAP, ENCIK AHMAD NOR, TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNGNYA, ENCIK LEE LAM THYE DAN KETUA PEMUDA SEMANGAT 46, HAJI IBRAHIM ALI. -- BERNAMA  
0011MST 09 12 89